

Kampung tradisi milik penduduk India Muslim hampir lenyap

FORUM KAMPUNG TRADISI PULAU PINANG

Info

Tanah Melayu di Pulau Pinang

→ **Tanah milik Melayu** yang tinggal ini termasuk dimiliki koperasi tanpa mengira tanah diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).

→ **Peratusan tanah dijangka terus mengecil** dan menguncup apabila orang Melayu sendiri menjual hak milik mereka kepada bangsa asing.

→ **Perkampungan Melayu tradisi** di negeri itu hanya tinggal nama kerana satu persatu kawasan yang menjadi penempatan pertama orang Melayu semakin lenyap.

Georgetown: Kampung tradisi yang diidam masyarakat India Muslim di Pulau Pinang sejak ratusan tahun lalu, hampir lenyap pada masa ini.

Pakar Antropologi Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Wazir Jahan Karim, berkata kebanyakannya kampung itu di Tanjung Tokong, Persiaran Gurney dan di kawasan Tapak Warisan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO), sudah lama dijual.

“Saya kesal kerana sejarah penduduk tempatan kini semakin dilupai, sedangkan komuniti India Muslim sejak ratusan tahun lalu banyak menyumbang dalam pembangunan Pulau Pinang.

“Sepatutnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempertahankan dan mengekalkan kampung tradisi ini daripada dirobohkan bagi mengekalkan identiti bandar raya ini sebagai Tapak Warisan Dunia,” katanya pada Forum Kampung Tradisi Pulau Pinang: Perlunya Perubahan Minda dan Polisi yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Imej semakin terhakis

Beliau turut memberi contoh apabila MBPP memberi sokongan pada kerja pembinaan projek perumahan mewah di Tanjung Tokong beberapa tahun lalu, yang memerlukan bangunan dan rumah berusia lebih 100 tahun dirobohkan.

Wazir berkata, imej masyarakat India Muslim semakin terhakis apabila mereka tidak lagi memiliki tanah dan kediaman sendiri sehingga ada yang terpaksa menyewa di rumah flet kos rendah.

“Komuniti India Muslim tidak mempunyai apa-apa lagi selepas tanah mereka dijual kepada pemaju dan yang tinggal cuma masih dengan seni bina mughal saja bagi membuktikan kewujudan mereka.

“Saya hairan bagaimana MBPP tidak dapat mengambil sebarang tindakan sedangkan bangunan warisan ini tertakluk kepada undang-undang di bawah bidang kuasa agensi kerajaan itu,” katanya.

Tanah milik Melayu semakin berkurangan


BH · 5/5/2016

M8. 20

Fakta grafik

Keluasan Pulau Pinang

1,048 kilometer (km) persegi



Perkampungan Melayu tradisi di negeri ini hanya tinggal nama kerana satu persatu kawasan yang menjadi penempatan pertama orang Melayu semakin lenyap”

Mohd Yusoff Abdul Latiff,
President Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG)

• **Sikap pemilik cenderung menjual kepada bangsa asing**

Oleh Muhammad Suhaib
Mohd Shapiee
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Tanah milik Melayu di negeri ini didapat semakin berkurang disebabkan sikap pemilik yang cenderung menjualnya kepada bangsa lain.

Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Tan Sri Mohd Yusoff Abdul Latiff, berkata kajian pihaknya mendapati tanah milik Melayu hanya tinggal kurang daripada 20.4 peratus saja.

“Tanah milik Melayu yang tinggal ini termasuk dimiliki koperasi tanpa mengira tanah diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).

Peratusan terus mengecil

“Peratusan tanah dijangka terus mengecil dan menguncup apabila orang Melayu sendiri menjual hak milik mereka kepada bangsa asing,” katanya pada Forum Kampung Tradisi Pulau Pinang: Perlunya Perubahan Minda dan Polisi yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), semalam.

Majlis anjuran Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian An-

tarabangsa (CenPRIS) USM itu turut dihadiri Pengarahnya, Prof Madya Dr Azeem Fazwan Ahmad Farouk.

Mohd Yusoff berkata, perkampungan Melayu tradisi di negeri itu hanya tinggal nama kerana satu persatu kawasan itu termasuk Kampung Batu Uban yang menjadi penempatan pertama orang Melayu semakin lenyap.

“Orang Melayu menjual tanah selepas berdepan kesempitan hidup kerana mereka perlu membeli barang keperluan rumah, selain ada yang tanpa disedari ditipu pihak ketiga,” katanya.

Sepututnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempertahankan dan mengekalkan kampung tradisi ini daripada dirobohkan bagi mengekalkan identiti bandar raya ini sebagai Tapak Warisan Dunia”

Wazir Jahan Karim,
Pakar Antropologi Universiti Sains Malaysia (USM)